

16/05/1999

Dasar kawalan modal kekal: PM

SHAH ALAM: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia akan terus melaksanakan dasar kawalan modal secara berpilih walaupun Indeks Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) sudah menunjukkan peningkatan.

Sambil menyifatkan peningkatan itu membuktikan kejayaan langkah yang diambil kerajaan, Perdana Menteri berkata, dasar kawalan berkenaan akan diteruskan sehingga masyarakat antarabangsa menukar sistem kewangan yang diamalkan.

"Jika masyarakat antarabangsa membuat sesuatu yang menjaga keselamatan kita, kita akan menarik balik kawalan. Bagaimanapun, masyarakat antarabangsa tidak melakukan sesuatu untuk kita kecuali memikirkan bagaimana untuk membuat keuntungan.

"Sehubungan itu, kita tidak bercadang untuk menukar pendekatan sekarang yang menolong Malaysia pulih lebih cepat berbanding negara lain di Asia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai kenaikan Indeks Komposit BSKL yang melonjak 33.29 mata atau 4.5 peratus kepada 766.82 mata, petang kelmarin, paras tertinggi dalam tempoh kira-kira 20 bulan.

Perdana Menteri sebelum itu melancarkan kemuda-han Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) terbaru Proton di kilang utamanya di sini semalam.

Turut hadir Pengerusi Proton Bhd, Tan Sri Mohd Salleh Sulong dan Ketua Pegawai Eksekutif Proton, Tengku Datuk Mahaleel Tengku Ariff.

Sambil menjelaskan harga saham sentiasa turun naik, Perdana Menteri mengingatkan pelabur supaya membeli saham berdasarkan potensi, keupayaan dan aset syarikat yang disenaraikan.

"Jangan anggap bursa saham sebagai tempat perjudian. Kita tahu jika kita beli banyak harga akan naik. Kalau kita jual kita mendapat untung. Lepas itu dia (pasaran) jatuh, kita tekan lagi... buat jualan singkat kemudian beli pula," katanya.

Dr Mahathir kemudiannya memberi contoh ada syarikat di Papan Kedua BSKL meningkat enam atau tujuh kali ganda sedang syarikat terbabit tidak menunjukkan keupayaan untuk membuat keuntungan.

"Tetapi pelabur membeli saham kerana mengikut trend yang meningkat dan kemudian mereka akan jual," katanya.

(END)